

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah 1MDB telah membekalkan Laporan Audit Kewangan 2014 yang dipinda dan berbeza daripada Laporan yang telah difailkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Antara pindaan yang dibuat, adakah perkataan "*substantially utilised*" dipinda kepada "*substantially set aside*".

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB hanya memfailkan satu set Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 tanpa sebarang pindaan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).